

BAB KEENAM

KESIMPULAN.

6.0 Pengenalan

Dalam bab keenam ini , penulis membuat kesimpulan menyeluruh yang merangkumi dapatan bagi setiap analisis yang telah dibuat dalam bab-bab sebelum ini. Huraian bagi kesimpulan yang dibuat diterangkan dalam bentuk jadual. Hasil dari dapatan yang disimpulkan membantu penulis untuk memberi cadangan kepada kajian-kajian yang akan datang.

6.1 Rumusan.

Sepanjang menjalankan kajian ini, penulis mendapati tajuk yang dipilih ini memberikan input yang besar kepada penulis terutamanya kefahaman terhadap tajuk. Sebelum kajian, penulis berpendapat konsep ini adalah sesuatu yang janggal dan jarang digunakan. Walaubagaimanapun setelah meneliti dan menganalisis data-data yang dikumpulkan, penulis percaya sebenarnya konsep muftada' nakiraṭ senang dan biasa digunakan sehinggakan terdapat tiga puluh dua bentuk penggunaannya dan terdapat pula penggunaannya di dalam al-Quran.

Begitu juga dengan konsep khabar ma'rifat yang juga biasa digunakan dan terdapat contoh-contoh penggunaannya yang banyak di dalam al-Quran. Dapatan ini menunjukkan bahasa Arab terlalu luas dan perlu dikaji terus.

6.1.1 Penggunaan Mubtada' Nakiraṭ Dalam Bahasa Arab.

Penulis merumuskan bahawa terdapat 32 tempat atau bentuk pengecualian bagi penggunaan mubtada' nakiraṭ yang telah disebutkan oleh para ahli nahu yang dapat diringkaskan dalam jadual berikut:

Bil	Sebab Pengecualian	Contoh.
1	Didahului oleh partikel <i>ja:r</i> atau <i>zarf</i> .	_____
2	Didahului oleh partikel tanya .	_____
3	Didahului oleh partikel <i>nafi:</i> .	_____
4	Tujuan untuk doa.	_____
5	Mubtada' <i>mawsu:f</i> .	_____
6	Mubtada' <i>muda:f</i>	_____
7	Jawapan kepada soalan	_____
8	Mubtada' adalah lafaz umum	_____
	Mubtada untuk tujuan pendetailan	_____
10	Mubtada' adalah lafaz <i>tasghir</i>	_____
11	Mubtada' menggantikan objek <i>mawsu:f</i> yang dibuang	_____
12	Mubtada' bertujuan <i>mahsu:r</i>	_____
13	Mubtada' datang selepas <i>wa:w al-Ha:l</i>	_____

14	Mubtada' diikuti KN yang disifatkan.	_____
15	Mubtada' itu itu bersifat kabur .	_____
16	Mubtada' didatangkan selepas partikel	_____
17	Mubtada' itu didatangkan selepas partikel	_____
18	Mubtada' itu selepas partikel	_____
19	Mubtada' itu dalam ayat perbandingan	_____
0	Mubtada' itu membawa makna pujian atau penyucian	_____
1	Mubtada' itu merupakan ' <i>a:mil</i> yang berfungsi untuk menghidupkan sesuatu ungkapan sama ada ia adalah kata sumber atau sifat ' <i>a:mil</i>	_____
22	Mubtada' itu didahului oleh	_____
23	Mubtada' itu membawa maksud hakikat sesuatu yang dikehendaki	_____
24	Apabila kesempurnaan makna ungkapan atau ayat itu bergantung kepada kewujudan mubtada'	_____
25	Mubtada' itu datang dengan makna	_____

	pelaku	
25	Mubtada' itu didahului oleh partikel	_____
26	Mubtada' itu terletak selepas <i>harf al-Fa:'</i> jawab syart	_____
27	Mubtada itu mengikuti perkataan lain yang <i>mawsu:f</i>	_____
28	Mubtada' itu menunjukkan sesuatu yang dihadkan atau ditentukan .	_____
29	Mubtada' itu membawa makna yang menyalahi adat.	_____
30	Mubtada' itu membawa makna kagum	_____
31	Mubtada' itu diikuti oleh ungkapan mubtada' dan khabar	_____
	Mubtada' itu diikuti oleh ungkapan mubtada' dan khabar	_____

6.1.2 Penggunaan Khabar Ma'rifat Dalam Bahasa Arab.




















Seperti yang dijelaskan sebelum ini, penggunaan khabar ma'rifat itu berlaku dan digunakan dalam ayat atau ungkapan apabila mubtada'nya juga adalah dalam bentuk ma'rifat dilihat kepada fungsi asal kewujudan khabar sebagai sifat kepada mubtada' .

6.1.3 Penggunaan Muftada' Nakirat Dalam Al-Quran .

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini , tidak semua bentuk pengecualian bagi muftada' nakirat iaitu sebanyak tiga puluh dua sebab yang disenaraikan mengikut pendapat ahli nahu Arab digunakan dan didapati di dalam al-Quran. Penulis hanya menjumpai sebanyak lapan belas bentuk penggunaan muftada' nakirat dan selebihnya tidak dapat ditemui penggunaannya di dalam al-Quran.


Berikut adalah ringkasan bentuk-bentuk penggunaan muftada' nakirat yang dijelaskan dalam bentuk jadual.

Bil	Bentuk Penggunaan	Contoh.
1	Didahului oleh partikel <i>ja:r</i> atau <i>zarf</i>	
2	Didahului oleh partikel tanya	
3	Didahului oleh partikel <i>nafi:</i>	
4	Lafaz untuk doa	
5	Muftada' <i>mawsu:f</i>	

		  ()
6	Mubtada' muda:f	 )  (
7	Jawapan kepada soalan	     () 
8	Mubtada' adalah lafaz umum yang difahami	)  (
	Mubtada untuk tujuan pendetailan dan kepelbagaian	  () 
10	Mubtada' menggantikan objek mawsu:f yang digugurkan.	)  (
11	Mubtada' datang selepas wa:w al-	

	<i>Ha:l</i>	<p> </p> <p>(154 :)</p>
12	Mubtada' diikuti KN <i>mawsu:f</i>	<p> </p> <p>()</p>
13	Mubtada' didatangkan selepas partikel	<p> </p> <p>(</p>
14	Mubtada' itu didatangkan selepas partikel	<p> </p>

		() < > @ & # \$ % & # \$ % & # \$ %
15	Mubtada' itu didahului oleh partikel	<p>x & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>⑦ & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>★ & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>< & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>★ & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>< & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>(157 :)</p>
16	Mubtada' itu dalam ungkapan atau ayat perbandingan	<p>< & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>★ & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>() < & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p>
17	Mubtada' itu merupakan 'a:mil yang berfungsi untuk menghidupkan sesuatu ungkapan.	<p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>↓ & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>⊙ & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>& # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p> <p>() & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ % & # \$ %</p>

18	Mubtada'itu didahului oleh yang bermaksud tiba-tiba	
----	---	--

Sebanyak empat belas bentuk tidak dapat ditemui setelah membuat analisis terhadap keseluruhan ayat-ayat al-Quran. Rumusannya dapat dijelaskan dalam jadual berikut:

Bil	Bentuk.
1	KN <i>tasgh:ir</i>
2	KN bertujuan memuji atau mencela
3	KN yang datang dengan makna <i>mahsu:r</i>
4	KN yang berbentuk kabur
5	KN yang datang selepas <i>harf Fa:’ al-syart.</i>
6	KN yang membawa maksud hakikat
7	KN yang menyempurnakan makna ayat.
8	KN yang datang dengan makna pelaku
9	KN yang datang selepas partikel
	KN yang menunjukkan sesuatu yang dihadkan

11	KN yang menunjukkan sesuatu yang menyalahi adat
12	KN yang menunjukkan makna kagum
13	KN yang diikuti ungkapan mubtada' khabar
14	KN yang mengikuti ungkapan mubtada' khabar.

6.1.4 Penggunaan Khabar Ma‘rifat Dalam Al-Quran.

Bagi konsep khabar ma‘rifat dalam al-Quran pula, seperti yang telah dijelaskan dalam bab keempat sebelum ini bahawa penggunaan khabar ma‘rifat hanya berlaku pada mubtada' yang juga ma‘rifat. Kebanyakan contoh-contoh penggunaan khabar ma‘rifat dalam al-Quran berlaku pada mubtada' yang terdiri daripada KGN, KN hubung () dan kata tunjuk (). Hanya beberapa ketika sahaja. penggunaan khabar ma‘rifat itu berlaku dengan mubtada' yang terdiri daripada KN-KN lain.

6.1.5 Penggunaan Mubtada' Nakirat Dalam Surah al- Baqarah.

Berikutnya penulis membuat kesimpulan dari analisis yang telah dibuat terhadap penggunaan mubtada' nakirat dalam Surah al-Baqarah. Daripada tiga puluh dua bentuk penggunaan konsep ini yang telah disenaraikan mengikut pendapat beberapa ahli nahu bahasa Arab, hanya sembilan bentuk yang dijumpai dalam Surah al-Baqarah. Penjelarasannya adalah dalam bentuk jadual di bawah:

Bil	Sebab Penggunaan Mubtada' Nakirat	Ayat.
1	Kedudukan mubtada' selepas partikel <i>ja:r</i> atau <i>zarf</i> .	7, 10, 19, 25, 49, 78, 90, 114, 148, 157, 228, 229, 237, 241, 248, 261
2	Kedudukan mubtada' selepas partikel penafian	38, 62, 120, 254
3	Penggunaan mubtada' sebagai doa	79
4	Penggunaan mubtada' dengan maksud umum	116, 285
5	Kedudukan mubtada' selepas partikel <i>fa:' al-syart</i> .	178,184,196,282,283
6	Penggunaan mubtada' sebagai jawapan kepada soalan sebelumnya.	217, 219, 220.
7	Kedudukan mubtada' selepas partikel	
	Mubtada' adalah KN <i>mawsu:f</i>	263
9	Kedudukan mubtada' adalah selepas partikel	

Perbezaan jumlah penggunaan mubtada' nakirat di dalam bahasa Arab, dalam al-Quran dan dalam surah al-Baqarah dapat dijelaskan dalam jadual berikut:

Dalam Bahasa Arab	32 bentuk
Dalam al-Quran	18 bentuk
Dalam Surah al-Baqarah	9 bentuk

6.1.6 Penggunaan Khabar Ma‘rifat Dalam Surah al- Baqarah.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, terdapat banyak contoh-contoh penggunaan khabar ma‘rifat di dalam Surah al-Baqarah. Sebanyak dua puluh enam ayat yang menggunakan khabar ma‘rifat yang kesemuanya digunakan dengan muftada’ ma‘rifat. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 5, 12, 13, 27, 32, 39, 82, 91, 105, 121,127, 128, 137, 157, 160, 177 ,202, 204, 229, 230, 253, 254, 255, 257 dan 286. Walaubagaimanapun penulis mendapati kesemua ayat yang menggunakan khabar ma‘rifat didatangkan dengan muftada’ ma‘rifat yang terdiri daripada sama ada KGN, KN hubung dan KN tunjuk. Hanya dua ayat yang menggunakan kalimat iaitu pada ayat 105 dan 203. Kesimpulan ini dapat dijelaskan dalam jadual berikut:

Tempat Penggunaan Khabar Ma‘rifat	Bentuk Muftada’ Ma‘rifat	Jumlah ayat
Ayat 2,5,39,82,121,157,177,229,257.	KN hubung	9
Ayat 12,13,27,32,37,91,127,128,137,160.204, 254,255	KGN	13
Ayat 230,253	KN tunjuk	2

<p>←⑩□←⑨▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ - ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 230</p>	<p>←⑩□←⑨▣ ★▣▣▣▣▣▣</p>	KN tunjuk
<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 253 - ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	KN tunjuk
<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 254 -</p>	<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	KGN
<p>⑤⑦▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 255- ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	<p>⑤⑦▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	KGN
<p>⑤⑦▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 257-</p>	<p>⑤⑦▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣
<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 257- ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	<i>Ida:fat</i>
<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ 257▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	<p>▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣ ▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣▣</p>	KN tunjuk

6.2 Cadangan.

Sepanjang menyempurnakan kajian ini, penulis mendapati tidaklah begitu banyak rujukan yang dapat dibuat yang menyentuh tajuk ini secara langsung. Justeru penulis mencadangkan kepada semua yang turut berminat membuat kajian-kajian seperti ini supaya turut menyentuh tajuk-tajuk kecil yang dianggap jarang digunakan untuk diperluaskan terutamanya penuntut-penuntut di peringkat sarjana dan kedoktoran.

Kepada pihak-pihak pengurusan yang menggubal sukatan-sukatan kursus, penulis mencadangkan agar tajuk-tajuk seperti ini turut dimuatkan dalam sukatan di samping

tajuk-tajuk sintaksis lain yang sudah sering dipelajari dari bangku sekolah agar pemahaman dan penguasaan terhadap tajuk-tajuk sebegini boleh diperluaskan dan diperdalam.

Kepada pelajar-pelajar di peringkat universiti, penulis mencadangkan agar timbulkan semangat untuk mengkaji dan mendalami tajuk-tajuk kecil seperti ini yang sering kita jumpa dan baca sepintas lalu kerana dengan mendalaminya kita akan menjumpai dan menemukan ilmu-ilmu bahasa Arab yang bukan sedikit dan begitu bermakna kepada kita sebagai pencinta bahasa al-Quran ini.

Kepada para pensyarah universiti, penulis cadangkan supaya topik-topik kecil seperti ini dimasukkan ke dalam pilihan tajuk-tajuk perbahasan di dalam kuliah supaya penuntut mendapat sedikit gambaran atau kefahaman terhadapnya.

6.3 Penutup

Penulis merasa amat bersyukur kerana dapat menyiapkan kajian ini . Walaupun kajian ini hanya satu usaha yang kecil dalam bidang ilmu bahasa Arab, tetapi sepanjang menyiapkannya penulis mendapat pertambahan ilmu yang tidak sedikit malah banyak perkara-perkara baru yang ditemui. Penulis amat berharap usaha kecil ini dapat menyumbangkan sedikit sumbangan terhadap para pencinta ilmu terutamanya bahasa Arab dan dapat menjadi panduan dan rujukan kecil dan permulaan bagi yang memerlukan.

Sekian, semoga usaha mendalami ilmu bahasa al-Quran ini dikira sebagai amal soleh di sisi Pencipta.

